

## BERITA UTAMA

- 3 BERANGKAT  
MENUNAIKAN  
SEMBAHYANG SUNAT  
AIDILFITRI

4



RAIH PAHALA RAMADAN  
DENGAN QIAMULLAIL

11

### INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam  
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan  
**APRIL**  
**16**  
Orang



5  
Ketetapan I Syawal 1445  
Hijrah bagi Negara Brunei  
Darussalam

6  
Menteri Hal Ehwal Ugama  
Terima Kunjungan Hormat  
Perpisahan daripada  
Pesuruhjaya Tinggi Malaysia  
ke Negara Brunei Darussalam

7  
Mensyukuri Keberadaan  
Masjid di Bawah Tadahan

9  
Rai Aidilfitri  
Bersama Muallaf

Ramadan/  
Syawal  
1445H

**APR**  
**2024M**  
Bil 4 • Tahun 36



## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

**KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:**

Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

**PENYELARAS:** Azizah binti Hidup • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

- Suriati binti Haji Ali Hussin
- Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani

• **PEREK BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad

• **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri •

**GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA MENGURANGKAN TEKANAN

يَا حَسْنَى يَا قَوْمَرْ بَرَخْتَكَ أَسْتَغْفِثُ

ERTINYA:  
Wahai Allah yang Hidup (sentiasa kekal), Wahai Allah yang Bangun (Mentadbir urusan hamba-Nya). Aku mohon dari-Mu bantuan.

## Lidah Pengarang

### REBUT PELUANG 10 TERAKHIR RAMADAN

Dalam menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan yang penuh keberkatan dini, marilah kita manfaatkan sepenuhnya 10 malam terakhir Ramadan dengan melipat gandakan ibadah, mengerjakan sembahyang-sebahyang sunat, beristighfar, berzikir, membaca al-Qur'an, ber'i'tikaf, memperbanyak sedekah dan doa kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā. Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dari 'Aisyah RadhiAllahu 'anha beliau mengatakan

*Ada pun Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam apabila telah masuk 10 terakhir dari bulan Ramadan, baginda pun menghidupkan malam-malamnya, dan membangunkan keluarganya dan mengikat kainnya.*

Pada malam 10 terakhir di bulan Ramadan terdapat satu malam yang sangat mulia dan istimewa yang disebut sebagai Malam Lailatul Qadar iaitu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah al-Qadr ayat 1-5 yang mafhumnya:

*Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'an itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar.*

Berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'alā itu, malam Lailatul Qadar adalah lebih baik ganjarannya daripada seribu bulan. Oleh yang demikian alangkah bertuahnya sesiapa yang dapat memperolehi keberkatan yang sepenuhnya daripada malam ini dengan cara melakukan amal ibadat kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā.

Oleh itu, kita seharusnya rebut dan gunakan dengan sebaik-baiknya saki-baki hari-hari terakhir Ramadan dengan sebaik-baiknya agar tidak ketinggalan untuk mendapat manfaat yang berlipat ganda. Semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang shalih mendapatkan malam penuh berkah ini sehingga memperolehi ganjaran pahala serta imbalan sebagaimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Aisyah RadhiAllahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang maksudnya:

*Barang siapa bangun malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan perhitungan diampuni baginya apa-apa yang telah lalu dari dosanya.*

## BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT AIDILFITRI

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Syawal bersamaan 11 April

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama dengan umat Islam dan rakyat baginda di negara ini bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1445 Hijrah.

Turut menjunjung Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus selepas itu, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diadakan di masjid-masjid utama, surau dan balai ibadat di seluruh negara bermula jam 7:30 pagi.

## RAIH PAHALA RAMADAN DENGAN QIAMULLAIL

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



QIAMULLAIL Ramadan diadakan di Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ramadan bersamaan

**5 April** - Bagi meraih ganjaran pahala pada 10 malam terakhir bulan Ramadan, Kementerian Hal Ehwal

Ugama dengan kerjasama Jame' Asr Hassanal Bolkiah telah menganjurkan Qiamullail Ramadan bertempat di masjid berkenaan di Kampong Kiarong.

Qiamullail Ramadan mengalui-alukan orang ramai untuk hadir bersama-sama ke masjid bagi meningkatkan amal ibadah di sepertiga akhir malam bulan Ramadan, khususnya Sembahyang Sunat Tahajjud, Sembahyang Sunat Taubat, Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Sunat Tasbih.

Turut menghadiri Qiamullail Ramadan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhamad; Timbalan Mufti Kerajaan Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Ugama Islam Brunei;

Rashid; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohammad.

Turut hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Qiamullail Ramadan diisi dengan Sembahyang Sunat Tasbih secara berjemaah dimamarkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz. Ini dikuti dengan bacaan wirid serta Doa Sembahyang Sunat Tasbih.

Kemudian bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Haris bin Haji Suboh, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas.



ANTARA jemaah yang menghadiri Qiamullail Ramadan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

## KETETAPAN I SYAWAL 1445 HIJRAH BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kedua dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, semasa persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Ramadan bersamaan

**9 April** – Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

maka Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan I Syawal 1445 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam jatuh pada hari Khamis, 11 April 2024.

Hasil Merukyah Awal Bulan Syawal, 1445 Hijrah telah diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei setelah bersidang mengenai hasil merukyah anak bulan Syawal 1445 Hijrah pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan tersebut

dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal, 1445 Hijrah, iaitu; Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Taman Rekreasi Tanjung Batu, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong; Bangunan Hilal Bukit Lumut; Daerah Belait.

Acara keagamaan bagi menunggu hasil rukyah I Syawal 1445 Hijrah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Yang Mulia Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin dan penyampai Tadabbur al-Qur'an oleh Yang Mulia Awang Hilman bin Haji Salim.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Amin bin Haji Salim, Pegawai Pemantau Zon 3, Pejabat Hal Ehwal Masjid dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah. Azan Maghrib dikumandangkan oleh Yang Mulia Yang Mulia Razman bin Haji Ramlee, Bilal Tingkat I, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang.

## MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERPISAHAN DARIPADA PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MAJLIS diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Syawal 1445 bersamaan

**25 April 2024** – Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman telah menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Majlis diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis. Hadir sama di Majlis Kunjungan Hormat Perpisahan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha

Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh.



## MENSYUKURI KEBERADAAN MASJID DI BAWAH TADAHAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



### BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Syawal bersamaan Sabtu, 27

**April** - Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak, telah menganjurkan Majlis Sambutan Memperingati Penggunaan Bangunan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampong Jangsak Ke-25 Tahun dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

masjid yang sayugia disyukuri namun sebaliknya dikufuri. Mengkufuri keberadaannya itu ialah secara tidak mengambil peduli terhadapnya lalu tidak merasakan atau memberikan respons dan sikap turut sama bertanggungjawab menjayakan tujuan keberadaannya bahkan sebaliknya mengabaikan, mensia-sikan apatah lagi jika sampai menyalah gunakannya.

Hadir selaku tetamu kehormat dimajlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menyebut bahawa semua masjid, surau dan balai ibadat yang ada itu selayaknya disyukuri oleh penduduk dalam kawasan tадahan atau 'qaryah'nya. Iaitu dengan berpegang kepada konsep bersyukur yang sebenarnya untuk tidak sahaja meraih pahala bahkan untuk memperoleh nilai tambah yang dijanjikan oleh Allah dengan mensyukuri keberadaan masjid secara yang sedemikian itu.

Sebaliknya bagi mengelakkan kemurkaan Allah apabila keberadaan

Sementara itu, untuk menjadikan masjid ini tempat beribadah yang kondusif, selesa dan menarik minat penduduk dan pengunjungnya dan rasa kekitaan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli jawatankuasa takmir masjid, penduduk kampung dan sekitarnya dalam sama-sama mengimarahkan masjid.

Majlis juga turut diserikan dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan penyampaian derma anak yatim bagi Kampong Jangsak.



## MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QUR'AN BAGI MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 1445H/2024M

Oleh : Dahlan Chuchu



MAJLIS Penutup Tadarus dan Khatam Al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Ramadan bersamaan 6

**April** - Majlis tadarus yang diadakan di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sempena bulan Ramadan pada tahun ini berakhir dengan Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Tadarus al-Qur'an di masjid, surau dan balai ibadat adalah salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini, dalam suasana masyarakat Islam, tanpa mengira peringkat umur, sama-sama memperdengarkan bacaan al-Qur'an sekaligus mendekatkan diri dengan al-Qur'an dan menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini dengan amal ibadat semata-mata bagi meraih keampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala juga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri

Pada malam tersebut, majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan Tadabbur al-Qur'an yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, Pemangku Timbalan Ra'es

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Majlis Penutup Tadarus dan Khatam al-Qur'an Bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara tersebut telah dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar Ali Saifuddien dan Radio Televisyen Brunei.



ANTARA jemaah wanita yang hadir.

## RAI AIDILFITRI BERSAMA MUALLAF

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh mengimamkan sembahyang Sunat Aidilfitri bersama para penduduk Kampong Bebuloh.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Syawal bersamaan

**11 APRIL** – Dalam sama-sama mensyukuri ni'mat yang diraikan ini, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) telah berkunjung ke Rumah Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri 1445 Hijrah bersama para penduduk Kampung Bebuloh.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Aidilfitri, diimamkan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Ustaz Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Sejurus selepas itu, Khutbah Aidilfitri dibacakan oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sumbangan Hari



Raya Aidilfitri kepada lapan orang penerima yang disempurnakan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Ia juga merupakan salah satu sarana dakwah dan syiar serta menzahirkan rasa pemeliharaan pihak kerajaan khususnya Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada para muallaf khususnya yang berada di kawasan pedalaman.

## MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI DA'WAH KE RUMAH PANJANG KAMPUNG KUKOP DAN SEKITARNYA, DAERAH BELAIT

Oleh : Azizah Hidup




UCAPAN daripada ketua rombongan dan ucapan daripada wakil Rumah Panjang.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Syawal bersamaan 28 April –** Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Belait telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Da'wah ke Rumah Panjang Kampong Kukop dan sekitarnya di Mukim Sukang, Daerah Belait.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Ketua Pegawai Ugama Belait, Awang Md. Aliyani bin Ismail dan juga penduduk rumah-rumah panjang Mukim Sukang dan Mukim Melilas yang berdekatan seramai 100 orang.



Tujuan majlis ini diadakan ialah bagi mengerakkan lagi silaturahim antara pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dengan para muallaf serta 'non-Muslim' sekali gus melibatkan penduduk pedalaman dalam menyambut hari-hari kebesaran Islam.

Majlis juga diserikan dengan ramah mesra dengan penduduk kampung.



Majlis  
Pengislaman  
**APRIL**  
**2024**



فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ فَيَشْرَحُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ ...



Maftumnya:

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk mengurniakan hidayah kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya untuk menerima Islam...

(Surah al-An'aam ayat 125)

## STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024



# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

## MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENGERUSI SYARIKAT NOZOLY ARAB SAUDI

Oleh : Azizah Hidup



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Syawal bersamaan 18 April** – Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan hormat daripada Yang Mulia Dato Jameel Sulaiman Bondagji, Pengerusi Syarikat Nozoly Arab Saudi bertempat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Syarikat Nozoly telah lama menjalin hubungan kerjasama dengan Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam selaku penyedia kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan haji di Masyair (Arafah dan Mina).

Disebabkan perubahan sistem pengurusan dan penyediaan

perkhidmatan haji Arab Saudi, pada tahun ini Syarikat Nozoly bergabung dengan Syarikat Rawaf Mina, iaitu Syarikat Penyedia Perkhidmatan Haji yang dipilih oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menyediakan perkhidmatan haji bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Madinah, Makkah dan Masyair (Arafah dan Mina) bagi musim haji Tahun 1445H /2024M.

Antara lain tujuan Yang Mulia Dato Jameel Sulaiman Bondagji mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam adalah untuk menjelaskan mengenai pembaharuan-pembaharuan yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Rawaf Mina bersama Syarikat Nozoly pada musim haji nanti seperti penyediaan sofa dan ruang penyimpanan barang dalam khemah-khemah jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Arafah dan Mina.

Selain itu, beliau juga turut mengongsikan cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan yang bakal dihadapi pada musim haji akan datang ini dan seterusnya meyakinkan Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa Syarikat Rawaf Mina dan Nozoly akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji Negara Brunei Darussalam pada musim haji nanti.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Pengarah Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad.